




**KEMEN KEMPEN
TUKAR &
MENANG**

21 Mac 2022 sehingga 31 Disember 2022



Tukar kad anda kepada Kad Peladang-i dan rebut peluang bagi memenangi hadiah wang tunai berjumlah sehingga **RM2,000.00!**

Menangi Wang Tunai

Tempat Pertama	Wang Tunai RM2,000.00
Tempat Kedua	Wang Tunai RM1,000.00
Tempat Ketiga	Wang Tunai RM500.00
Saguhati x 5	Wang Tunai RM300.00

- Terbuka kepada semua Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) seluruh Malaysia.
- Kempen ini tertakluk pada Terma dan Syarat dan sebarang perubahan Terma dan Syarat akan dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

- Ahli layak mendapat satu (1) Mata Penyertaan bagi setiap kad yang dikeluarkan dan acara cabutan yang akan dilaksanakan pada akhir tempoh kempen tersebut.
Nota: Pemenang yang dipilih layak mendapat satu (1) hadiah bagi kempen ini. Jika semasa acara cabutan, ahli yang sama dipilih sebagai pemenang lebih daripada sekali maka hadiah tersebut akan diberikan kepada pemenang simpanan.
- Pemilihan pemenang akan dijalankan berdasarkan kaedah Cabutan Bertuah pada tarikh dan lokasi yang akan dimaklumkan oleh pihak Agrobank dari semasa ke semasa. Cabutan Bertuah dibuat berdasarkan jumlah Mata Penyertaan ahli PPK.
- Kempen ini tertakluk pada Terma dan Syarat dan sebarang perubahan Terma dan Syarat akan dimaklumkan oleh pihak Agrobank dari semasa ke semasa.



Lebuh Pasar Besar, 50726,
Kuala Lumpur Malaysia

Tel: +603 2731 1600

Faks: +603 2691 7790

E-mel:

customer@agrobank.com.my

Untuk maklumat lanjut berhubung kempen, Pelanggan boleh menghubungi **Pusat Panggilan Agrobank** di talian **1-300-88-2476** atau layari laman sesawang korporat kami di www.agrobank.com.my atau kunjungi cawangan kami yang terdekat dengan mematuhi Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)

TERMA DAN SYARAT

KEMPEN TUKAR DAN MENANG

1. DEFINISI & TAFSIRAN

PERKATAAN	MAKSUD
“Bank”	Merujuk kepada Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) (200801010522 (811810-U)) iaitu sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah undang-undang Malaysia dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 3, Bangunan Agrobank Lebuh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur.
“Pertubuhan Peladang Kawasan”	Pertubuhan ini akan dinamakan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Pertubuhan Peladang Kawasan ditubuhkan oleh peladang-peladang di bawah Akta Persatuan 1966.
“Pelanggan”	Merujuk kepada ahli PPK yang melanggan sebarang Produk dan/atau Perkhidmatan Bank sebelum Tempoh Kempen.
“Pelanggan sedia ada”	Merujuk kepada ahli PPK yang telah melanggan sebarang Produk dan/atau Perkhidmatan Bank sebelum Tempoh Kempen.
“Kempen”	Merujuk kepada Kempen ‘TUKAR DAN MENANG’ yang dianjurkan oleh pihak Bank melibatkan Produk dan/atau Perkhidmatan, tertakluk Terma dan Syarat ini.
“Produk Dan/Atau Perkhidmatan”	Merujuk kepada produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang perlu dilanggan oleh pelanggan dalam Tempoh Kempen bagi tujuan kelayakan menyertai Kempen dan/atau pengiraan Mata Penyertaan. Produk dan/atau perkhidmatan yang terlibat adalah Kad Peladang-i.
“Cabutan Bertuah”	Merujuk kepada proses cabutan bertuah yang akan dilakukan oleh pihak Bank bagi tujuan pemilihan pemenang bagi Kempen.
“Mata Penyertaan”	Merujuk kepada mata yang layak diterima oleh Pelanggan tertakluk kepada Terma dan Syarat Kempen yang dinyatakan di sini. Jumlah penyertaan pelanggan untuk cabutan adalah berdasarkan Mata Penyertaan yang diperoleh sepanjang Tempoh Kempen.
“Hadiah Kempen”	Merujuk kepada hadiah-hadiah yang ditawarkan bagi Kempen ini sahaja.
“Pemenang Kempen”	Merujuk kepada Ahli PPK yang terpilih setelah dikenal pasti menepati Terma dan Syarat ini serta layak untuk menerima Hadiah Kempen.
“Pemenang Simpanan”	Merujuk kepada Pemenang yang dikenalpasti semasa proses cabutan dilakukan. Pemenang akan disenaraikan sebagai Pemenang Simpanan dengan tujuan sekiranya terdapat isu kepada Pemenang yang telah dipilih oleh pihak Bank, pihak Bank berhak untuk memberikan Hadiah Kempen kepada Pemenang Simpanan yang dikenalpasti sekiranya Pemenang menjadi tidak layak untuk menerima hadiah atas apa juar sebab yang diputuskan oleh pihak Bank dan/atau Jawatankuasa Pemilihan.
“Prinsip Hibah Mu’allaqah (Hibah Bersyarat)”	Merujuk kepada prinsip pemberian pemilikan sesuatu barang kepada seseorang dengan dikaitkan atau disyaratkan berlakunya sesuatu perkara.
“Tempoh Kempen”	Merujuk kepada Tempoh Kempen yang bermula dari Mac 2022 sehingga Disember 2022 atau apa-apa tempoh yang akan dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

2. TEMPOH KEMPEN

- a) Kempen ini berlangsung pada **21 Mac 2022** sehingga **31 Disember 2022**.

3. KONSEP SYARIAH

- a) Konsep Syariah yang digunakan bagi Kempen ini adalah prinsip Hibah Mu'allaqah (Hibah Bersyarat).
- b) Berdasarkan prinsip Hibah Mu'allaqah, pihak Bank akan memberikan hadiah kepada Pelanggan yang berjaya memenuhi segala terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak Bank dan dikenalpasti sebagai Pemenang Kempen.

4. KELAYAKAN

- a) Kempen ini terbuka kepada **semua ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)** di seluruh negara.
- b) Ahli PPK perlulah **menukarkan kad sedia ada mereka kepada kad Peladang-i** (ahli sedia ada) atau melanggau kad Peladang-i (ahli baru) dalam Tempoh Kempen.

5. MEKANISMA KEMPEN

- a) Kempen ini berkonseptan cabutan di mana apabila ahli PPK tersebut yang menukarkan kad Peladang secara automatik akan layak mendapat Mata Penyertaan mengikut Terma dan Syarat ini.
- b) Bagi setiap kad yang dikeluarkan untuk ahli tertentu, mereka akan diberikan satu (1) Mata Penyertaan untuk acara cabutan yang akan dilakukan pada akhir Tempoh Kempen.

Nota: Pemenang yang dipilih hanya layak mendapat satu (1) hadiah untuk Kempen ini. Jika semasa acara cabutan, ahli yang sama dipilih sebagai Pemenang Kempen lebih daripada sekali maka hadiah tersebut akan diberikan kepada Pemenang Simpanan.

- c) Pemilihan Pemenang adalah berdasarkan wilayah mengikut ketetapan pihak Agrobank.

6. HADIAH KEMPEN

- a) Hadiah yang ditawarkan kepada para Pemenang adalah seperti di bawah.:

KATEGORI PEMENANG	JUMLAH PEMENANG	JUMLAH HADIAH (RM)	JUMLAH KESELURUHAN HADIAH (RM)
Tempat Pertama	1	2,000	2,000
Tempat Kedua	1	1,000	1,000
Tempat Ketiga	1	500	500
Saguhati	5	300	1,500

Nota: Tertakluk kepada Terma dan Syarat Kempen.

7. PEMILIHAN PEMENANG

- a) Ahli PPK perlulah mematuhi Terma dan Syarat telah ditetapkan untuk melayakkan diri menyertai Kempen ini.
- b) Pemilihan Pemenang akan dijalankan berdasarkan kaedah Cabutan Bertuah pada tarikh dan lokasi yang akan dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Cabutan Bertuah dibuat berdasarkan jumlah Mata Penyertaan Ahli PPK.
- c) Kaedah cabutan elektronik akan digunakan bagi proses pemilihan Pemenang Kempen. Sebarang keputusan hasil daripada cabutan yang dilakukan adalah muktamad. Sebarang rayuan, bantahan atau pertanyaan daripada pihak ahli PPK tidak akan dilayan.

8. PEMAKLUMAN PEMENANG

- a) Pemenang akan dihubungi oleh pihak Bank menggunakan maklumat diri yang telah diberikan kepada pihak Bank. Sekiranya Pemenang tersebut tidak dapat dihubungi kerana maklumat yang telah diberikan adalah salah, hadiah tersebut akan diberikan kepada Pemenang Simpanan.
- b) Nama Pemenang akan diumumkan di laman web rasmi Bank di www.agrobank.com.my dan www.lpp.gov.my
- c) Selain itu, surat Pemenang akan diberikan kepada Pemenang melalui pihak ibu pejabat atau cawangan Bank yang berdekatan.

9. TUNTUTAN HADIAH

- a) Hadiah yang dimenangi oleh Pemenang tidak boleh dipindahmilik kepada pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dari segi spesifikasi hadiah seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Bank.
- b) Pemenang perlu membuat tuntutan hadiah dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja bermula dari tarikh Ahli PPK dihubungi oleh pihak Bank. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan Pemenang hilang kelayakan untuk menerima hadiah tersebut dan pihak Bank seterusnya berhak memberikan hadiah tersebut kepada Pemenang Simpanan.

10. LAIN-LAIN TERMA DAN SYARAT

- a) Pihak Bank berhak untuk menukar atau meminda mana-mana terma di dalam Kempen atau manamana bahagian di dalam Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa tanpa notis terlebih dahulu.
- b) Pihak Bank berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung kempen ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan terhadap Kempen ini oleh pihak Bank, Pelanggan adalah tidak layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan daripada pihak Bank untuk mana-mana kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh ahli PPK secara langsung atau tidak langsung terhadap pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
- c) Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, ahli PPK adalah dianggap telah membaca dan memahami serta bersetuju dengan perkara-perkara berikut:

- Ahli PPK adalah terikat dengan Terma dan Syarat ini;
- Ahli PPK memberikan kebenaran kepada Bank untuk menggunakan, memaparkan atau menerbitkan nama, gambar dan lain-lain maklumat berkaitan Pemenang bagi tujuan publisiti dan pengiklanan tanpa sebarang kos atau pampasan kepada Pelanggan.
- Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian, kecederaan atau kehilangan nyawa dan/atau barang-barang atau apa-apa kerosakan walau apa pun atau bagaimana jua pun yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang timbul atau akibat langsung atau tidak langsung secara keseluruhan atau sebahagian daripada atau disebabkan penyertaan Pelanggan di dalam Kempen ini atau Hadiah Kempen.
- Pihak Bank juga tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kegagalan untuk melaksanakan mana-mana tanggungjawab yang berkaitan dengan Kempen ini disebabkan oleh perkara di luar kawalan pihak Bank termasuklah kejadian alam semulajadi, perperangan, rusuhan, mogok, kebakaran, banjir atau mana-mana situasi di luar kawalan pihak Bank.

-
- d) Sekiranya terdapat ketidakselarasan di antara Terma dan Syarat ini (dalam versi Bahasa Malaysia) dan mana-mana risalah, bahan-bahan pemasaran atau promosi yang berkaitan dengan Kempen atau promosinya, Terma dan Syarat ini hendaklah terpakai dan mengatasi lain-lain dokumen tersebut.
 - e) Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir berdasarkan undang-undang Malaysia dan perlu diuruskan mengikut lunas-lunas dan prinsip Syariah.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Agrobank 1300-88-2476 atau layari laman web Bank di www.agrobank.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan Agrobank.



SOALAN-SOALAN LAZIM

KEMPEN TUKAR DAN MENANG

NO.	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah itu kempen “ Tukar dan Menang ”?	Kempen ini adalah merupakan salah satu inisiatif yang diwujudkan oleh pihak Retail Banking sebagai satu platform pemasaran kepada pihak cawangan untuk mempromosikan penukaran/ langganan baru kad debit Peladang-i di kalangan ahli PPK di lokaliti masing-masing.
2	Berapa lamakah tempoh kempen ini akan dijalankan?	Kempen ini akan dijalankan bermula daripada 21 Mac 2022 sehingga 31 Disember 2022 .
3	Apakah medium yang digunakan bagi Kempen ini dan adakah ianya patuh Syariah?	<p>Kempen ini menggunakan mekanisma cabutan bertuah bagi menentukan pemenang. Pelanggan akan diberikan mata penyertaan (MP) sewajarnya sekiranya pelanggan menepati syarat dan terma Kempen seperti yang ditetapkan oleh Bank.</p> <p>Mata penyertaan ini akan menentukan bilangan peluang yang dimiliki oleh Pelanggan bagi cabutan bertuah yang diadakan. Kempen ini adalah patuh Syariah dan konsep Syariah yang digunakan bagi Kempen ini adalah Hibah Mu'allaqah di mana pihak Bank akan memberikan hadiah kepada Pelanggan yang berjaya memenuhi segala terma dan syarat yang ditetapkan oleh Bank dan dikenalpasti sebagai pemenang.</p>

4	Siapakah yang boleh menyertai kempen ini?	<p>Kempen terbuka kepada semua ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sama ada pelanggan baru atau pelanggan sedia ada; dengan syarat Pelanggan memenuhi syarat-syarat Kempen yang telah ditetapkan oleh pihak Agrobank.</p>
5	Apakah syarat-syarat kelayakan?	<p>Kempen ini terbuka kepada semua ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negara dan ahli PPK tersebut perlulah menukarkan kad sedia ada mereka kepada Kad Peladang-i (ahli sedia ada) atau melanggan Kad Peladang-i (ahli baru) dalam tempoh kempen.</p>
6	Bagaimanakah cabutan akan dilakukan?	<p>Kempen ini berkonsepkan Cabutan Bertuah di mana apabila ahli LPP tersebut yang menukarkan kad Peladang-i secara automatik akan layak mendapat Mata Penyertaan mengikut Terma dan Syarat ini.</p> <p>Bagi setiap kad yang dikeluarkan untuk ahli tertentu, mereka akan diberikan satu (1) Mata Penyertaan untuk acara Cabutan Bertuah yang akan dilakukan pada akhir Tempoh Kempen.</p> <p>Nota: Pemenang yang dipilih layak mendapat satu (1) hadiah sahaja untuk Kempen ini. Jika semasa acara Cabutan Bertuah, ahli yang sama dipilih sebagai Pemenang lebih daripada sekali maka hadiah tersebut akan diberikan kepada Pemenang Simpanan.</p> <p>Pemilihan Pemenang adalah berdasarkan wilayah mengikut ketetapan pihak Agrobank.</p>
7	Apakah jenis hadiah yang ditawarkan?	<p>Sebanyak RM 5,000 sebagai jumlah hadiah terkumpul dan hadiah akan diberikan dalam bentuk wang tunai. Hadiah untuk ditawarkan kepada pemenang adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tempat Pertama: RM 2,000 • Tempat Kedua: RM 1,000 • Tempat Ketiga: RM 500 • Saguhati (x5 pemenang): RM 300 <p>Nota: Hadiah yang ditawarkan adalah bagi satu wilayah.</p> <p>Wilayah yang dimaksudkan adalah merujuk kepada definisi wilayah yang ditetapkan oleh pihak Agrobank.</p> <p>Terdapat 8 wilayah yang ditetapkan oleh pihak Agrobank.</p>

8	Bolehkah saya memenangi lebih daripada satu (1) hadiah?	Setiap pemenang hanya layak memenangi satu (1) hadiah sahaja sepanjang Tempoh Kempen.
9	Bilakah pemilihan Pemenang Kempen akan dilakukan?	Cabutan Bertuah akan dilakukan pada akhir Kempen dan nama Pemenang Kempen yang layak akan diumumkan pada bulan Februari 2023..
10	Bagaimanakah untuk mendapatkan sebarang pertanyaan dan maklumat berkaitan Kempen?	<ul style="list-style-type: none"> • Hubungi Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476; atau • Lawati/Kunjungi cawangan Agrobank yang berdekatan.

Nota: Tertakluk kepada Terma & Syarat Kempen.

Cetakan April 2022

